



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 28 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **75 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,032 kes** (68.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 28 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **31 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,851 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 1,719 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 17 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan

COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **100** kes (1.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-100 (kes ke-3628) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 67 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan strok. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 4 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 28 April 2020 jam 9.40 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

ANALISA RINGKAS SITUASI SELEPAS PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA KE-3

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 3 akan memasuki fasa 4 mulai esok iaitu 29 April 2020. Setakat ini, didapati jumlah kes harian sering menunjukkan tren menurun dan kadang kala mendatar. Dengan peningkatan kes-kes yang pulih daripada COVID-19, ini menjadikan jumlah kes aktif semakin menurun sepanjang fasa ketiga PKP. Ini sekaligus berjaya meratakan lengkung (*flattening of the curve*) dan Negara kini memasuki fasa pemulihan.

Misalnya, jumlah kes aktif pada hari ini adalah 1,719, berbanding kes aktif tertinggi, iaitu 2,596 pada 5 April 2020. Pencapaian ini adalah hasil daripada tindakan proaktif dan agresif Kerajaan dalam aktiviti-aktiviti pembendungan penularan COVID-19 sepanjang tempoh sebelum dan semasa PKP ini. Ini dapat memastikan fasiliti KKM dapat menampung bilangan pesakit COVID-19 di Malaysia, termasuk kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kapasiti penggunaan mesin bantuan pernafasan (*ventilators*) di hospital.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membantu mengurangkan interaksi di antara ahli masyarakat dan mengurangkan kebolehjangkitan COVID-19. Selain aktiviti pengesanan kes secara aktif (*active case detection*), KKM dengan pelbagai agensi telah menggunakan pendekatan tertumpu (*targeted approach*) bagi

kumpulan yang berisiko tinggi. Ini termasuk tindakan pengesanan, penyaringan, ujian, isolasi dan rawatan bagi individu di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), pengesanan peserta-peserta perhimpunan di Seri Petaling dan lain-lain perhimpunan besar-besaran, pengesanan sekolah serta madrasah tahfiz dan sebagainya.

NORMA BARU KEHIDUPAN SEHARIAN AKIBAT PENULARAN COVID-19

Pelaksanaan PKP di Negara kita merangkumi empat (4) pelan tindakan (*action plan*) utama, di mana dua (2) tindakan adalah oleh Kerajaan dan dua (2) lagi tindakan adalah melibatkan masyarakat umum. Tindakan yang telah diambil Kerajaan adalah kawalan pergerakan dan kawalan sempadan.

Kawalan sempadan diperlukan untuk mengurangkan kes-kes import COVID-19 memandangkan **lebih 180 buah Negara** yang terbabit dengan jangkitan ini. Kawalan sempadan yang baik telah membuahkan hasil apabila **154 kes** positif COVID-19 telah dikesan di kalangan warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara **mulai 3 April 2020 Mac 2020**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan di hospital. Hasil kawalan pergerakan juga dapat dilihat daripada pelaksanaan PKP 1, 2 dan 3 di mana ianya mengurangkan interaksi di antara ahli masyarakat dan mengurangkan kebolehjangkitan COVID-19.

Namun demikian, PKP tidak boleh menghapuskan COVID-19 sepenuhnya. Malahan masyarakat perlu bersedia menghadapi virus ini untuk tempoh yang lebih panjang. KKM akan meneruskan aktiviti-aktiviti pembendungan dan pengawalan. Meskipun begitu, penglibatan aktif rakyat adalah amat penting sekali.

Justeru, dua (2) tindakan yang telah dan perlu terus diambil oleh rakyat dan penduduk Malaysia dalam memerangi virus COVID-19 adalah dengan meneruskan amalan jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya satu meter, dan juga menjaga tahap kebersihan diri terutama dengan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun. Memandangkan masih belum ada vaksin untuk

melawan jangkitan COVID-19, inilah amalan-amalan yang boleh menjadi “vaksin” bagi masyarakat membantu Negara memerangi penularan jangkitan COVID-19 ini.

Seperti yang KKM telah tekankan selama ini, perjuangan kita menentang COVID-19, iaitu musuh yang tidak kelihatan ini masih panjang dan usaha kita perlu berterusan. Norma kehidupan yang baharu ini perlu diterapkan ke semua peringkat masyarakat agar ianya menjadi amalan kita semua.

Ternyata kejayaan dan pencapaian melandaikan lengkung dan mengawal penularan virus COVID-19 adalah kejayaan bersama, iaitu Rakyat dan Kerajaan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Selaras dengan usaha memerangi pandemik ini, sekali lagi KKM menasihatkan agar rakyat Malaysia terus menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan:

- Patuh kepada amalan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun;
- Mengamalkan jarak sosial yang selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain
- Elakkan daripada perhimpunan;
- Digalakkan memakai topeng hidung dan mulut (*face mask*) ketika berada di tempat orang ramai.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

28 April 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 28 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	253
SELANGOR	5 (2)	1,403
NEGERI SEMBILAN	1	436
MELAKA	0	193
JOHOR	1 (1)	660
PAHANG	0	288
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	1	313
SARAWAK	8 (1)	496
W.P. KUALA LUMPUR	14 (5)	1,214
W.P. PUTRAJAYA	1 (1)	80
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	31 (10)	5,851

*() adalah merujuk kepada kes-kes import